

## **BAHASA MELAYU ASAS (0026)**

### **1 OBJEKTIF PENILAIAN**

Peperiksaan Bahasa Melayu Asas Peringkat PSLE bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Rendah 2008, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu Asas bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar dan memahami pelbagai jenis teks lisan, mengingat butir-butir dan mengenal pasti idea penting dalam teks yang didengar;
- (b) membaca teks secara lantang dengan lancar, sebutan yang betul, artikulasi yang jelas, intonasi dan tekanan suara yang sesuai dengan menggunakan sebutan baku;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (d) membaca dan memahami pelbagai jenis teks dan memberikan respons terhadap teks; dan
- (e) berinteraksi melalui penulisan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

## 2 FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu Asas Peringkat PSLE terbahagi kepada:

- Kertas 1: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman Membaca
- Kertas 2: Lisan
- Kertas 3: Kefahaman Mendengar

### **Kertas 1: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman Membaca – 15 markah (15%)**

Kertas 1 terbahagi kepada Bahagian A, B dan C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 40 minit.

(a) Bahagian A: Penggunaan Bahasa (5 markah)

Bahagian ini mengandungi 5 soalan tatabahasa berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki melengkapkan ayat-ayat yang disediakan dengan perkataan yang sesuai.

(b) Bahagian B: Kefahaman 1 (4 markah)

Bahagian ini mengandungi 2 soalan kefahaman berbentuk MCQ berdasarkan 1 teks. Teks yang disediakan boleh berbentuk naratif, perbualan, ucapan dan sebagainya. Panjangnya teks tersebut lebih kurang 120 patah perkataan.

(c) Bahagian C: Kefahaman 2 (6 markah)

Bahagian ini mengandungi 1 soalan berbentuk MCQ dan 2 soalan berbentuk mengisi tempat kosong (FIB) berdasarkan 1 teks fungsional seperti risalah, iklan, brosur, poster dan lain-lain lagi.

### **Kertas 2: Lisan – 55 markah (55%)**

Kertas 2 terbahagi kepada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit.

Calon diberi 10 minit untuk membuat persiapan.

(a) Bahagian 1: Bacaan Lantang (15 markah)

Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.

(b) Bahagian 2: Perbualan (40 markah)

Calon akan menonton klip video pendek (55-60 saat). Kemudian, calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.

**Kertas 3: Kefahaman Mendengar – 30 markah (30%)**

Bahagian ini mengandungi 15 soalan berbentuk MCQ. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 8 teks autentik pelbagai genre seperti pengumuman, iklan, cerpen, rencana dan lain-lain lagi.

Terdapat 3-4 item yang mempunyai rangsangan berupa teks-teks pendek, item yang pilihan jawapannya berbentuk grafik dan item yang menguji keupayaan calon untuk melengkapkan perbualan (*dialogue rejoinder*). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

### 3 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Soalan	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (40 minit)	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman Membaca <u>Bahagian A</u> Penggunaan Bahasa	MCQ	5 (5)	5 (5%)	Calon dikehendaki melengkapkan ayat-ayat yang diberikan dengan perkataan yang sesuai.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	MCQ	2 (2)	4 (4%)	Calon dikehendaki menjawab 2 soalan kefahaman berbentuk MCQ berdasarkan 1 teks. Teks yang disediakan boleh berbentuk naratif, perbualan, ucapan dan sebagainya. Panjangnya teks tersebut lebih kurang 120 patah perkataan.
	<u>Bahagian C</u> Kefahaman 2	MCQ FIB	1 (1) 2 (2)	2 (2%) 4 (4%)	1 teks fungsional seperti risalah, iklan, brosur, poster dan lain-lain lagi akan diberikan. Calon dikehendaki menjawab 1 soalan kefahaman berbentuk MCQ dan 2 soalan berbentuk FIB.
	Subtotal	-	10 (10)	15 (15%)	-
2 (lebih kurang 15 minit)	Lisan <u>Bahagian 1</u> Bacaan Lantang	Respons Bebas	1 (1)	15 (15%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian 2</u> Perbualan	Respons Bebas	1 (1)	40 (40%)	Calon akan menonton klip video. Kemudian, calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
	Subtotal	-	2 (2)	55 (55%)	-
3 (lebih kurang 30 minit)	Kefahaman Mendengar	MCQ	15 (15)	30 (30%)	8 teks autentik pelbagai genre seperti pengumuman, iklan, cerpen, rencana dan lain-lain lagi akan diperdengarkan.
	Subtotal	-	15 (15)	30 (30%)	-
	<b>Total</b>	-	<b>27 (27)</b>	<b>100 (100%)</b>	-